

'Tak salah guna senapang'

Datuk Bandar Kuala Lumpur jawab tular penguatkuasa DBKL guna senapang

oleh NORAFIZA JAAFAR

KUALA LUMPUR

Penggunaan senapang ketika perbarisan untuk upacara rasmi tidak salah jika mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan dan perlu mendapat kebenaran Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, perkara itu tidak terkecuali kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) seperti ditularkan kelmarin.

"Penggunaan senapang ketika upacara rasmi sudah dilakukan lebih 20 tahun lepas. Situasi sama juga dapat dilihat ketika acara perbarisan kadet peringkat sekolah dan universiti," katanya menjawab gambar



Status perbarisan penguatkuasa DBKL dengan senapang dikongsi di Facebook Informasi Tempur sebagai memanjangkan persoalan pembaca kelmarin.

tular penguat kuasa menggunakan senjata pada acara perbarisan kelmarin.

Facebook Informasi Tempur memuat naik gambar penguatkuasa DBKL ketika acara perbarisan yang disempurnakan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad dan diiringi Nor Hisham.

Difahamkan gambar berke-



NOR HISHAM

naan adalah sempena Sambutan Hari Penguatkuasa ke-50 Jabatan Penguatkuasaan DBKL di Dataran Merdeka Oktober lepas.

Pentadbir Facebook berkeinginan memanjangkan pertanyaan pembaca mengenai status penguatkuasa DBKL yang lengkap bersenjata M-16 ketika acara perbarisan.

"Apakah DBKL merupakan pihak berkuasa tempatan yang berstatus separa tentera atau separa polis? Mungkin ada dalam kalangan pembaca yang merupakan petugas DBKL atau yang mempunyai maklumat mengenainya boleh memberikan penjelasan," tulis pentadbir Facebook pada gambar berkenaan.

Nor Hisham berharap, penjelasan yang diberikannya merungkai persoalan pembaca di laman Facebook itu.

"Sebelum ini tidak timbul isu. Hari ini (semalam) saya baru tahu selepas tular. Gambar itu diambil ketika acara rasmi tahun lepas dan senjata yang digunakan tiada peluru," katanya.